



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 11/1980**

*Perletakanhak Tanah Atau Kepentingan Ke Atasnya
Kepada Sesuatu Pihak Berkuasa Awam Di Bawah
Seksyen 416 Kanun Tanah Negara*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah tentang perlunya didaftarkan perletakanhak di bawah seksyen 416 Kanun Tanah Negara sebelum sesuatu Pihak Berkuasa awam yang menuntut faedah dari perletakanhak yang tidak berdaftar itu boleh membuat apa-apa urusan berkaitan dengan tanah atau kepentingan ke atasnya yang dituntut itu.

2. Menurut seksyen 415(1) Kanun Tanah Negara, sesuatu Pihak Berkuasa awam yang menuntut faedah dari perletakanhak yang tidak berdaftar boleh memohon supaya perletakanhak itu didaftarkan. Di bawah seksyen 415(2) Kanun Tanah Negara, Pendaftar atau Pemungut Hasil Tanah boleh meminta secara bertulis mana-mana pegawai, penjawat atau agen dari Pihak Berkuasa awam yang berkenaan supaya memajukan permohonan bagi perletakanhak tanah menurut undang-undang jika ia berpuashati bahawa Pihak Berkuasa tersebut telah mengambil milik tanah itu di bawah sesuatu perletakanhak yang tidak berdaftar tetapi belum lagi memajukan permohonan perletakanhak. (Perletakanhak yang tidak berdaftar atau "unregistered vesting" adalah ditakrifkan di dalam seksyen 414(1) Kanun Tanah Negara).

3. Pihak-pihak Berkuasa awam yang berikut telah mengambil milik tanah-tanah tertentu di bawah perletakanhak tanah yang tidak berdaftar menurut peruntukan undang-undang yang disebut di bawah ini:

- | | | |
|--|---|---|
| (a) Federal Lands Commissioner | — | Seksyen 7 dan 8 Federal Lands Commissioner Ordinance, 1957 dan seksyen 15(1) Railway Ordinance, 8/1948 (Malayan Union). |
| (b) Lembaga Letrik Negara, Tanah Melayu (The National Electricity Board of the States of Malaya) | — | Seksyen 29 Electricity Ordinance, 30/1949 (sekarang Akta 116—Disemak 1973). |
| (c) Municipal Commissioners | — | Seksyen 28(2) Municipal Ordinance, Cap. 133 (Straits Settlement). |
| (d) Commissioner of Federal Capital | — | Seksyen 17(2) Federal Capital Act, 35/1960. |
| (e) Menteri Besar, | — | Seksyen 7 Menteri Besar |

| | | |
|-------------------------------------|---|---|
| Negeri Sembilan | | Negeri Sembilan (Incorporation) Enactment, 3/1951. |
| (f) Menteri Besar, Negeri Perlis | — | Seksyen 7 Menteri Besar (Incorporation) Enactment, 5/1370 (1951). |
| (g) Menteri Besar, Trengganu | — | Seksyen 7 Menteri Besar (Incorporation) Enactment, 1/1951. |
| (h) Menteri Besar, Kelantan | — | Seksyen 7 Menteri Besar (Incorporation) Enactment, 5/1950. |
| (i) Menteri Besar, Perak | — | Seksyen 7 the Menteri Besar Perak (Incorporation) Enactment, 2/1951. |
| (j) State Secretary Selangor | — | Seksyen 6 The States Secretary Selangor (Incorporation) Enactment, 3/1955. |
| (k) State Secretary Kedah | — | Seksyen 7 State Secretary (Incorporation) Enactment, 1/1371 (1951). |

4. Pihak Berkuasa awam yang memohon perletakanhak itu hendaklah menyiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri suatu notis permulaan dalam Borang 30A Kanun Tanah Negara. Setelah tamat tempoh dua bulan dari tarikh penyiaran notis itu dalam *Warta* Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa awam itu hendaklah membuat permohonan perletakanhak yang tidak berdaftar itu secara bertulis kepada Pendaftar Hakmilik atau Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan. Permohonan ini hendaklah disertai dengan satu salinan notis permulaan Borang 30A Kanun Tanah Negara yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan Negeri itu.

5. Selepas Pendaftar atau Pemungut menerima permohonan bertulis, ia adalah dikehendaki membuat ingatan dalam dokumen hakmilik daftaran seperti contoh berikut menurut seksyen 416(3)(a)(i) dan (b)(i) Kanun Tanah Negara melainkan ia telah menerima sesuatu bantahan ataupun setelah mengadakan siasatan ia berpuashati bahawa tidak ada alasan berpatutan untuk bantahan itu:

“Perletakanhak menurut kuatkuasa undang-undang Jilid No:.....Folio No:

Tanah ini/Gadaian No. Perserahan:/Pajakan No. Perserahan:terletakkan kepada /telah dikembalikan kepada Negeri mulai daripada

Tarikh:.....

Tandatangan
Pendaftar/Pemungut Hasil
Tanah”

6. Tarikh perletakanhak itu mula berkuatkuasa seperti yang dicatatkan dalam ingatan di atas hendaklah sama dengan tarikh yang tersebut di perenggan 2 dalam notis permulaan Borang 30A Kanun Tanah Negara [seksyen 416(3)(a)(i) atau (b)(i)]. Jika Pihak Berkuasa yang menuntut itu Pihak Berkuasa Negeri, maka tanah tersebut akan menjadi tanah Kerajaan dan yang demikian menurut seksyen 416(3)(a)(ii) dokumen hakmilik keluarannya jika ada, hendaklah dimusnahkan.

7. Pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah hendaklah memastikan bahawa di dalam mana-mana suratcara urusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa awam, gelaran Pihak Berkuasa itu mestilah sama dengan gelaran di dalam dokumen hakmilik daftaran. Jika tidak, permohonan pendaftaran perletakanhak di bawah seksyen 4 5 Kanun Tanah Negara mestilah dibuat terlebih dahulu oleh Pihak Berkuasa awam yang berkenaan sebagaimana yang dijelaskan di perenggan-perenggan di atas.

8. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 10/1973 adalah dengan ini dibatalkan.

NASRUDDIN BIN BAHARI,
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 167/72

Kuala Lumpur
18hb. Januari, 1980.